



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

---

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
 Semester & Year : September - December 2020  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- 1 This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)  
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
- 2 Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- 3 This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- 4 Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

**BAHAGIAN A**

**ARAHAN**

**: SOALAN OBJEKTIF (30 MARKAH)**

: Jawab semua soalan di bawah ini. Pilih jawapan yang paling tepat dan tandakan di atas kertas OMR yang disediakan.

---

**BAHAGIAN A TAMAT**

## BAHAGIAN B

### SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

#### Sajak: Aku Menjadi Lebih Berani

Kali ini  
kau berbaju biru  
dan bajuku ungu  
sayang, hanya aku tahu  
hatimu  
tidak setulus hatiku  
yang berbaju ungu.

Bila begini, sebilah pisau aku tidak gentar  
sepatah kata,  
bisa, aku merasa.

Hati dan rasa mengejarku  
aku menjadi lebih berani.

1. Apakah maksud rangkap kedua sajak di atas? **(2 markah)**
2. Berdasarkan sajak di atas, apakah **DUA (2)** persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, mengapakah manusia perlu berani menghadapi kehidupan? Nyatakan **DUA (2)**.  
**(4 markah)**

### **Petikan (ii)**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

Dalam kehidupan seharian, menjaga kebersihan bukanlah suatu hal yang mudah. Perkara yang utama perlu ditangani ialah sikap masyarakat terhadap pengurusan kebersihan. Tidak dinafikan ada negara maju yang mengambil masa ratusan tahun untuk menerapkan budaya mementingkan kebersihan dan alam sekitar dalam kalangan rakyatnya. Bak kata pepatah, **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Begitu juga dengan sikap dan tabiat masyarakat negara ini.

Hal ini mendorong Solid Waste Corporation (SWCorp) menyediakan Pelan Transformasi Minda (PTM) untuk membentuk minda, sikap, tabiat dan budaya penduduk di negara ini supaya menjadi masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama. Rakyat Malaysia yang berminda kelas pertama akan mempunyai ciri-ciri seperti bertanggungjawab, memiliki nilai etika, progresif dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga kebersihan serta keindahan persekitaran. Berbekalkan enam fasa, iaitu kesedaran, pendidikan, amalan, penghayatan, pembudayaan dan penyebaran, SWCorp berharap dapat mewujudkan persekitaran bersih dan indah serta hijau dan masyarakat bangga serta mahu turut serta mengekalkan kebersihan dan keindahan alam sekitar.

Antara cabaran yang dihadapi dalam menerapkan semangat cinta akan kebersihan dan mengurangkan pembaziran adalah kurang penekanan terhadap pendekatan mendidik dan membentuk masyarakat supaya menghargai dan bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran dan pengurusan sisa pepejal yang sempurna. Tahap kesedaran masyarakat yang rendah mengenai keperluan untuk mengamalkan 3R (kurangkan, guna semula dan kitar semula) berikutan kurang pengetahuan dan tidak menghargai nilai sisa pepejal terutama dalam situasi sekarang yang mana sumber asli semakin berkurangan turut memburukkan keadaan.

Bukan itu sahaja, semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat untuk sama-sama memastikan keadaan persekitaran sentiasa bersih dan indah juga masih belum memuaskan. Kebanjiran warga asing di negara ini yang mempunyai tabiat dan budaya mengenai kebersihan yang berbeza turut menyukarkan untuk memastikan tahap kebersihan yang mapan. Sikap masyarakat yang menganggap tanggungjawab membersihkan persekitaran di atas bahu pihak berkuasa turut menambahkan masalah. Tanpa rasa bersalah sampah dibuang merata-rata kerana sentiasa berasakan ada pekerja pembersihan akan mengutip sampah mereka, dan hal ini benar-benar tidak membantu dalam meningkatkan kebersihan.

Justeru, perlunya beberapa pendekatan yang strategik sebagai elemen penting dalam memastikan pelaksanaannya dapat dilakukan dengan berkesan dan juga dapat memastikan hasil yang diinginkan itu dapat direalisasikan.

(dipetik dan diubah suai daripada ‘Daripada Membentuk Minda, Sikap Kelas Pertama Cintakan Kebersihan’, BH Online, 25 Februari 2015)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan peribahasa ‘**kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya?**’ **(2 markah)**
  
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** cabaran yang dihadapi dalam menerapkan nilai cinta akan kebersihan? **(4 markah)**
  
3. Nyatakan **DUA (2)** pendapat anda mengenai kepentingan menjaga kebersihan terhadap negara Malaysia. **(4 markah)**

## TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. berkumpul (**2 markah**)
- II. mengumpulkan (**2 markah**)
- III. kumpulan (**2 markah**)
- IV. terkumpul (**2 markah**)
- V. pengumpulan (**2 markah**)

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dan tulis di kertas jawapan.

1. Syarikat kami akan membekalkan nenas manis yang terus dari ladang kepada pelanggan dengan harga yang sangat murah.

Kesalahan ejaan: \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan: \_\_\_\_\_

2. Para pelajar tingkatan enam Bestari telah memberikan cendera mata yang mahal kepada guru tingkat mereka yang akan bersara pada minggu depan.

Kesalahan ejaan: \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan: \_\_\_\_\_

3. Universiti mestilah berkerjasama dengan penggiat industri untuk bersedia peluang kerja baharu mengikut kehendak pasaran.

Kesalahan ejaan: \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan: \_\_\_\_\_

4. Kadar tarif lektrik di Semenanjung Malaysia mengekalkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020.

Kesalahan ejaan: \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan: \_\_\_\_\_

5. Ajensi pekerjaan boleh memainkan peranan penting dalam membantu anda mendapat pekerjaan.

Kesalahan ejaan: \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan: \_\_\_\_\_

(10 markah)

**SOALAN 2**

**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

**KARANGAN**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**SOALAN 1**

Isu ragut semakin berleluasa terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menangani masalah ragut ini daripada terus berlaku?

**ATAU;**

**SOALAN 2**

Internet merupakan satu ciptaan manusia yang wajar dikagumi dan pada masa yang sama merupakan satu kepentingan dalam kehidupan setiap individu. Namun begitu, terdapat juga isu penyalahgunaan Internet dan jenayah siber berlaku. Bincangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan Internet.

**ATAU;**

**SOALAN 3**

Dewasa ini, budaya membaca semakin diketepikan. Budaya ini seolah-olah hidup pada slogan tetapi bukan pada hakikat kehidupan. Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca. Bincangkan langkah-langkah untuk menggalakkan aktiviti membaca dalam kalangan pelajar.

**KERTAS SOALAN TAMAT**